



MINISTRY OF COMMUNICATIONS
AND MULTIMEDIA MALAYSIA

CyberSecurity
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

15 MEI 2020
UNTUK SIARAN SEGERA

BICARA SIBER PKPB COVID-19 KUPAS ISU BERKAITAN PEMBELIAN DALAM TALIAN

CYBERJAYA (15 MEI 2020) – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber dan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) hari ini menganjurkan forum dalam talian bertajuk **Bicara Siber “Makcik Kiah Goes Online..Kad Pak Salleh Pulak Decline”**. Forum dilaksanakan melalui aplikasi telesidang GoToWebinar dan disiarkan secara langsung menerusi saluran Youtube.

Forum Bicara Siber dilaksanakan sebagai salah satu aktiviti bagi mengisi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) CyberSecurity Malaysia yang diadakan pada setiap tahun di bulan Ramadan bersama Rumah Anak-anak Yatim Bait Al-Amin yang terletak di Parit, Perak Darul Ridzuan.

“Pada tahun ini CyberSecurity Malaysia tidak dapat hadir secara fizikal untuk melaksanakan program CSR bersama anak-anak Bait Al-Amin sebagaimana tahun sebelumnya kerana keadaan negara yang dilanda wabak COVID-19, di mana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) masih berkuatkuasa. Namun, dengan adanya kemudahan teknologi, ianya tidak menghalang kami dari mengimarahkan program kali ini dengan meneruskan perkongsian ilmu menerusi aplikasi dan platform digital.” kata Dato’ Ts Dr Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

“Pemilihan tajuk forum iaitu pembelian dalam talian pula dilihat sangat wajar malah ianya bertepatan dengan senario semasa PKPB yang menuntut serta menggalakkan orang ramai membuat pembelian secara digital khususnya di musim perayaan Aidilfitri.” ujar beliau.

Antara objekif forum Bicara Siber adalah untuk memberi pendedahan kepada orang ramai khususnya anak-anak Bait Al-Amin mengenai tatacara dan amalan terbaik sewaktu melakukan aktiviti pembelian serta pelaksanaan transaksi di dalam talian, mengenali pelbagai platform pembelian digital, mendengar pengalaman pembelian secara *online* dan maklumat mengenai ancaman keselamatan siber sewaktu melakukan pembelian dalam talian.



Corporate Office:
Level 7, Tower 1
Menara Cyber Axis
Jalan Impact
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace



MS ISO/IEC 17025
TESTING
SAMPI NO. 456
(P/NZL LABORATORY)



MSC
MALAYSIA
Status Company



T +603 8800 7999
F +603 8008 7000
H 1 300 88 2999

Forum Bicara Siber dikendalikan oleh pengacara terkenal Fiza Sabjahan dari TV3, manakala ahli panel pula terdiri dari wakil CyberSecurity Malaysia, AEON Store Seri Manjung serta pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP) dengan disaksikan secara langsung oleh hampir 50 anak-anak Bait Al-Amin. Setelah selesai forum, anak-anak Bait Al-Amin diberi pendedahan dengan mengalami pengalaman membeli secara dalam talian menggunakan platform pembelian dalam talian AEON Drive Thru.

Forum Bicara Siber “Makcik Kiah Goes Online...Kad Pak Salleh Pulak Decline” boleh ditonton melalui saluran Youtube: <https://youtu.be/CPLvVf9U0KY>



Mengenai Rumah Anak-anak Yatim dan Warga Miskin Bait Al-Amin

Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Dan Warga Miskin Parit atau lebih dikenali sebagai Rumah Anak-anak Yatim Bait Al-Amin adalah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan kemudahan asrama bagi Anak-anak Yatim dan Warga Miskin. Ditubuhkan pada 3 Oktober 2015, rumah Anak-anak Yatim Bait Al-Amin kini dihuni seramai 45 orang pelajar. Pertubuhan ini bukan sahaja membela nasib anak-anak yatim, tetapi juga memastikan anak-anak ini dididik dan diasuh meliputi semua aspek insan cemerlang iaitu melalui fizikal, mental dan rohani. Rumah Anak-anak Yatim Bait Al-Amin ini mengharapkan terlahirnya pemimpin yang berwawasan, berintelek tinggi dan bersahsiah syumul melalui asuhan yang diberikan sepanjang mereka menetap di rumah ini. Dengan ini mereka boleh menjadi harapan negara yang disegani dan dihormati. Untuk pertanyaan hubungi En. Rozelan Bin Zamzuri HP: 017-4013738 selaku Pengerusi Pertubuhan dan juga En. Om Bin Abdullah Sidek HP: 016-5322387 Selaku Setiausaha Pertubuhan.

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, hubungi media@cybersecurity.my atau +603-8800 7999

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 7237) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 7242)